

# Pemuda UMNO meluat, bosan sikap Dr. Mahathir

Um- 28/10/2006

Oleh ZABRY MOHAMAD

**KUALA LUMPUR** 27 Okt. - Pergerakan Pemuda UMNO hari ini melahirkan rasa meluat dan bosan dengan sikap Tun Dr. Mahathir Mohamad yang terus menerus mengkritik Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Ketuanya, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, beliau sama sekali tidak akan membiarkan tumpuan seluruh ahli pergerakan itu terjejas disebabkan polemik yang timbul dan berasa berbelah-bahagi.

"Sokongan Pemuda kepada Perdana Menteri yang juga Presiden UMNO serta kepimpinannya tidak boleh dipersoal.

"Kita akan terus mempertahankan institusi parti dan pastikan perjuangannya terus relevan," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini.

Perdana Menteri semalam melahir-

**Kita akan buktikan bahawa kerajaan di bawah kepimpinan Pak Lah tetap relevan, bertanggungjawab, komited, bekerja kuat dan bersemangat tinggi untuk memberi kesejahteraan serta kemajuan kepada seluruh rakyat negara ini**

**HISHAMMUDDIN  
TUN HUSSEIN**  
Ketua Pergerakan  
Pemuda UMNO

kan perasaan sedih dan kecewa dengan tindakan Dr. Mahathir yang terus mengkritik beliau secara terbuka selepas pertemuan mereka dua hari sebelum Aidilfitri.

Abdullah menyifatkan tindakan Dr. Mahathir itu umpama racun yang berbisu sedangkan bekas Perdana Menteri itu telah diberi peluang untuk mengutarakan perasaan tidak puas hatinya dalam pertemuan tersebut.

Sehubungan itu, jelas Hishammuddin, beliau sendiri akan turun padang untuk

menjalankan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepadanya selaku Menteri Pelajaran.

Menurutnya, banyak perkara yang perlu dilaksanakan oleh kerajaan bagi merealisasikan segala perancangan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

"Kita akan buktikan bahawa kerajaan di bawah kepimpinan Pak Lah tetap relevan, bertanggungjawab, komited, bekerja kuat dan bersemangat tinggi untuk memberi kesejahteraan serta kemajuan kepada seluruh rakyat negara ini," katanya.